

Peniaga belon sudah ditegur tiga kali

- **DBKL jelaskan isu mangsa dikasari penguat kuasa**
- **Penjaja tiada lesen, halang pergerakan orang ramai**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Penguat Kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memberi teguran sebanyak tiga kali kepada seorang penjual belon tanpa lesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur sebelum tindakan penguatkuasaan diambil terhadapnya.

DBKL berkata, sebelum kejadian kira-kira pukul 11.50 malam kelmarin itu berlaku, penguat kuasa yang melakukan rondaan berkala melihat kehadiran beberapa penjaja tanpa lesen menjalankan aktiviti di laluan pejalan kaki Jalan TAR.

Katanya, kehadiran penjaja terbabit telah menghalang pergerakan orang ramai dan menyebabkan kesesakan terutama ketika musim persiapan sambutan Aidilfitri yang menyaksikan kehadiran ramai pengunjung.

"Anggota penguat kuasa DBKL telah memberi teguran terlebih dahulu dan ramai penjaja tanpa lesen memberi kerjasama de-



TANGKAP layar rakaman video menunjukkan seorang penjual belon yang didakwa dikasari anggota penguat kuasa DBKL di Jalan TAR, Kuala Lumpur malam kelmarin.

ngan beredar dari kawasan itu.

"Seorang penjaja belon enggan mematuhi arahan dan terus berniaga walaupun sudah diberi teguran sebanyak dua kali.

"Ketika teguran ketiga diberikan, penjaja belon itu bertindak agresif dan berlaku sentuhan fizikal apabila menolak petugas penguat kuasa yang sedang menjalankan tugas," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut DBKL, bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih

tegang dan menghalang kemungkinan insiden yang lebih serius, anggota penguat kuasa berpakai preman bertindak pantas untuk menenangkan dan memisahkan penjaja terbabit daripada terus mengasari petugas penguat kuasa.

Katanya, situasi menjadi tegang apabila beberapa penjaja lain cuba campur tangan, namun keadaan berjaya dikawal dan ditenangkan tidak lama kemudian.

"Tiada kecederaan dilaporkan. Satu laporan polis telah dibuat oleh penguat kuasa yang terlibat dalam kejadian ini," kata DBKL.

DBKL berkata, Jalan TAR merupakan lokasi tumpuan ramai untuk membuat persiapan akhir menyambut Syawal dan DBKL bertanggungjawab memastikan keselamatan, kelancaran pergerakan orang awam serta pematuhan terhadap peraturan.

Justeru, kata DBKL, tindakan tegas akan diambil terhadap ma-

na-mana pihak yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah serta mengganggu ketenteraman awam.

"Bagaimanapun, DBKL akan menjalankan siasatan lanjut dan mengambil keterangan daripada semua anggota penguat kuasa yang terlibat dalam insiden tersebut.

"Sekiranya perlu, DBKL akan meneliti penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dalam tindakan penguatkuasaan," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, DBKL menegaskan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan tanpa mengambil kira latar belakang kaum, sebaliknya berdasarkan peraturan yang ditetapkan.

Sehubungan itu, DBKL memohon kerjasama semua pihak menghentikan hebahan sentimen serta spekulasi negatif dan tidak bertanggungjawab yang boleh mengeruhkan keadaan.

Semalam, isu tersebut mendapat perhatian ramai pihak yang mengecam tindakan agresif DBKL terhadap penjaja belon terbabit.

Antaranya Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh yang menegaskan bahawa tindakan anggota penguat kuasa DBKL ditolak oleh penjaja terbabit bukan 'lesen besar' untuk mereka mengasari mangsa dengan dicekak dengan siku.